


25/KLIA/2025



AGensi KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)

Pegawai Penguat Kuasa Ditahan di KLIA, Disyaki Terlibat Kegiatan “Setting Counter”

SEPANG, 24 Julai 2025 – Seorang pegawai penguat kuasa telah ditahan di Terminal 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pagi ini kerana disyaki terlibat dalam kegiatan salah laku “Setting Counter”.

Dalam penahanan itu, sejumlah wang tunai RM8,391.45, tiga peranti komunikasi, dan beberapa catatan nombor pasport ditemui dalam simpanan pegawai tersebut.

Penahanan dibuat kira-kira jam 9:20 pagi selepas Unit Pemantau dan Unit Integriti Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) mengesan tindakan mencurigakan pegawai terbabit melalui rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di kaunter pemeriksaan masuk.

Hasil siasatan awal mendapati catatan yang ditemui mengandungi empat digit terakhir nombor pasport, yang dipercayai berkaitan dengan aktiviti mengatur laluan keluar masuk individu secara tidak sah.

Pegawai itu pada mulanya diserahkan kepada Unit Integriti AKPS KLIA untuk siasatan dalaman sebelum diserahkan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Selangor untuk tindakan lanjut.

AKPS memandang serius sebarang bentuk pelanggaran integriti, terutamanya yang melibatkan keselamatan pintu masuk negara, dan akan mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pegawai yang terlibat.

SIARAN MEDIA

AKPS akan terus memberikan komitmen untuk terus memperkuat pemantauan dalaman dan kerjasama antara agensi bagi memerangi salah laku dalam kalangan pegawai.

Gambar berkaitan:

<https://drive.google.com/drive/folders/1uLrlamNs87Va5CnaJWOKjRNZvhiXvGy?usp=sharing>

TAMAT

24 JULAI 2025

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**AGANSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN MALAYSIA (AKPS)
KEMENTERIAN DALAM NEGERI**